



AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	24/2/2019	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	KATS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# Pulihara habitat kelip-kelip

**MoU LBS, MDKS bantu jaga ekosistem dan habitat sepanjang Sungai Selangor**

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

**M**emorandum persefahaman (MoU) Yayasan LBS bersama Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) membantut pembangunan semula kawasan santuari kelip-kelip di Kampung Kuantan. Lebih menarik, jalinan strategik kedua pihak itu turut bersetuju membantu memulihara ekosistem dan habitat kelip-kelip yang terdapat di sepanjang Sungai Selangor.

Yang Dipertua MDKS, Rahilah Rahmat menjelaskan, pembangunan dan program yang sudah dan akan dilaksanakan Yayasan LBS Foundation berteraskan empat perkara iaitu pendidikan, kesihatan, komuniti dan alam sekitar.

"Keberhasilan pembangunan dan program yang dilaksanakan akan memberi impak positif terhadap empat perkara itu bagi memastikan tujuan dan objektif utama MoU ini tercapai sepenuhnya.

"Sebagai contoh, Yayasan LBS bersama MDKS menjalankan Klinik Persediaan UPSR di Sekolah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah Kampung Kuantan pada pada 18



Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyaksikan MoU antara Yayasan LBS dan MDKS untuk bersama menjaga ekosistem di Sungai Selangor.

hingga 19 Ogos lalu," katanya.

Menurutnya, kos bagi modul pembelajaran dan guru sepanjang klinik dua hari itu ditanggung sepenuhnya Yayasan LBS. Hasilnya seramai tiga pelajar mendapat 6A.

"Program itu sekali gus menjadikan sekolah itu terbaik bagi daerah ini. Program CSR seterusnya adalah pembangunan semula Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

"Dua projek itu adalah pembinaan semula pintu masuk dan kounter tiket bermula pada 18 Disember lalu dan dijangka siap sepenuhnya Jun nanti," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Menandatangani MoU Pembangunan Pusat Pelancongan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan antara MDKS dan Yayasan LBS. Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin mencemar duli menyaksikan tandatangan MOU itu.

Program sempena Majlis Perasmian Karnival Alam Sekitar dan Hari Tanah Lembap Sedunia Daerah Kuala Selangor 2019 di Taman Alam Kuala Selangor, semalam.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Yayasan LBS, Datuk Cynthia Lim Mooi Pang, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian dan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Prof Dr Ahmad Ismail.

Rahilah berkata, MoU bukan sahaja memberi impak positif terhadap imej pelancongan Kuala Selangor bahkan memberi peluang kepada komuniti tempatan untuk terus menjana ekonomi mereka sebagai pendayung.

"Selain itu, pelaksanaan karnival ini menjadi salah satu inisiatif program di bawah Local Agenda 21 Kuala Selangor sebagai usaha ke arah pembangunan mampan.

"Usaha ini sejajar dengan hasrat untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi pelancongan dan ekonomi hijau dengan memulihara warisan sejarah dan alam sekitar.

"Penganjuran program ini merupakan inisiatif MDKS untuk menyampaikan misi kempen dalam konteks pendidikan dan menerapkan etika cintai serta sensitiviti alam sekitar," katanya.

Pada program sama, Tengku Permaisuri Norashikin mencemar duli menanam pokok bakau.

Sebanyak 1,300 anak pokok bakau ditanam bersama pelajar, penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta.



Tengku Permaisuri Norashikin mencemar duli menyempurnakan simbolik penanaman pokok bakau.